

MAHATHIR-AIROD

(1)

SUBANG, 11 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMUJI AIROD SDN BHD, PERTUBUHAN KERAJAAN YANG PERTAMA DISWASTAKAN KERANA KEJAYAANNYA PADA TAHUN PERTAMA OPERASI DAN BERKATA BAHAWA PELABURAN KERAJAAN MENDATANGKAN HASIL YANG MEMUASKAN.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS LAWATAN DUA JAM MENINJAU KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PENYEDIAAN KAPAL TERBANG DI SINI BAHAWA +AIROD TELAH MEMBANTU KERAJAAN MENJIMATKAN WANG.

+CONTOHNYA, KERJA MEMBAIK PULIH PESAWAT FS KINI DAPAT DILAKUKAN OLEH AIROD DI DALAM NEGERI. JIKA TIDAK, KERAJAAN TERPAKSA MEMBELANJAKAN \$3 JUTA UNTUK MENGHANTARNYA KE LUAR NEGERI,+ KATANYA.

+WALAUPUN AIROD TIDAK MENGHASILKAN KEUNTUNGAN YANG LUMAYAN SEPERTI YANG DIHARAPKAN TETAPI IA MEMBANTU KERAJAAN MENJIMATKAN \$4 JUTA HINGGA \$4.5 JUTA SETAHUN,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMUJI AIROD KERANA KEJAYAANNYA DALAM PEMBUATAN PERAKAM DIGITAL DATA PENERBANGAN ATAU KOTAK HITAM UNTUK LOCKHEED CORPORATION, AMERIKA SYARIKAT YANG MENGGUNAKAN 85 PERATUS BAHAN TEMPATAN. -- LAGI.

1550MST 11 03 86

U 8074 AAB

MAHATHIR-AIROD 2 SUBANG

(1)

AIROD, YANG TELAH MENYIAPKAN UNIT KOTAK HITAMNYA YANG PERTAMA HARI INI AKAN MENGELUARKAN KIRA-KIRA 200 UNIT TAHUN INI DAN BERHARAP DAPAT MENCAPAI MATLAMAT PENGELUARAN 400 UNIT SETAHUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP AIROD AKAN MENEROKA LEBIH BANYAK AKTIVITI PENGELUARAN.

BELIAU BERKATA AIROD MAMPU MEMPEROLEH KEUNTUNGAN \$80,000 PADA TAHUN PERTAMA OPERASI TAHUN LEPAS UNTUK PEROLEHAN \$17.9 JUTA.

KATANYA, AIROD DIJANGKA MEMPEROLEH KEUNTUNGAN YANG LEBIH TAHUN INI KERANA MEMANDANGKAN PENGELUARAN KOTAK HITAM DAN PELUANG YANG CERAH UNTUK MENDAPATKAN KONTRAK DARI NEGARA-NEGARA JIRAN.

AIROD SDN. BHD., BEKAS DEPO MEMBAIKI DAN MEMBAIK PULIH PESAWAT TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA (TUDM), MERUPAKAN PERTUBUHAN KERAJAAN YANG PERTAMA DISWASTAKAN DI BAWAH DASAR PENSWASTAAN. -- LAGI.

1553MST 11 03 86

U 8075 AAB

MAHATHIR-AIROD 3 SUBANG

(1)

SYARIKAT ITU PERKONGSIAN 51-49 PERATUS USAHA SAMA ANTARA AEROSPACE INDUSTRY OF MALAYSIA (AIM) DAN LOCKHEED AIRCRAFT SERVICES INTERNATIONAL.

AIM MERUPAKAN PERKONGSIAN TIGA HALA ANTARA KERAJAAN MALAYSIA, MAS DAN KUMPULAN UMW.

PERDANA MENTERI DIBERI TAKLIMAT SELAMA SEJAM DALAM SESSI TERTUTUP OLEH PENGARAH URUSAN AIROD MANAGING, ENCIK J R WATT MENGENAI PEMBANGUNAN, PASARAN DAN PERANCANGAN SYARIKAT UNTUK LIMA TAHUN AKAN DATANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MENINJAU PELBAGAI KEMUDAHAN AIROD TERMASUK BENGKEL MEMBAIKI STRUKTUR PESAWAT DAN BAHAGIAN AVIONIK.

YANG HADIR SAMA IALAH Pengerusi AIM DATUK HAJI AMIR HAJI YAAKUB, PENGARAH URUSAN MAS DATUK ABDUL AZIZ ABDUL RAHMAN DAN PENGURUS BESAR AIROD DATUK ARIFF AWANG. -- BERNAMA.

1555MST 11 03 86